



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

14 OKTOBER 2022 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

14 OKTOBER 2022 (JUMAAT)

Program Usahawan Muda SSM dapat sambutan menggalakkan

NILAI - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menganjurkan Program Usahawan Muda 2022 (PUM22) siri ke-5 peringkat Negeri Sembilan pada 3 Oktober lalu dengan penyertaan yang amat menggalakkan daripada para peserta.

Program ini melibatkan lebih 600 penyertaan daripada Politeknik Negeri Sembilan, Kolej Komuniti Negeri Sembilan, Pusat Latihan GIATMARA Negeri Sembilan dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas.

Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Azman Mohd Yusof bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada peserta mengenai pengurusan sebuah perniagaan, menyemai minat dan menerapkan nilai-nilai keusahawanan dalam diri peserta.

Dalam ucapan perasmiannya, Azman yang juga Pengurus SSM menjelaskan, PUM22 merupakan program khas yang dianjurkan bagi memberi kefahaman berkaitan tatacara serta perundungan yang dikawal selia SSM berhubung keperluan dan faedah mendaftarkan perniagaan, strategi perniagaan dan pengurusan kewangan, serta strategi pemasaran digital dan perkongsian oleh



AZMAN MOHD YUSOF



Lebih 600 pelajar dari Politeknik Negeri Sembilan, Kolej Komuniti Negeri Sembilan, Pusat Latihan GIATMARA Negeri Sembilan dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas menyertai PUM22 peringkat Negeri Sembilan.

“
Melalui program PUM ini, SSM membuka peluang kepada peserta untuk memanfaatkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang diperkenalkan bagi memberi kemudahan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada golongan usahawan B40 dan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) sepenuh masa.

usahaawan berjaya.

Tambah beliau, melalui program berkenaan, para peserta juga akan

didedahkan dengan kesedaran dan perlindungan hak-hak pengguna agar peserta lebih peka dan prihatin tentang isu-isu kepenggunaan yang wujud di negara ini.

Beliau berkata, bagi tahun 2022, SSM mensasarkan pelaksanaan sebanyak enam PUM22 di mana empat daripadanya dilaksanakan secara dalam talian, dan dua lagi secara fizikal di Negeri Sembilan dan Sarawak.

"Melalui program PUM ini, SSM membuka peluang kepada peserta untuk memanfaatkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang diperkenalkan bagi memberi kemudahan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada golongan usahawan B40 dan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) sepenuh masa.

"SSM sentiasa berusaha untuk menambahbaik perkara ini agar setiap usahawan dapat merilmati pelbagai

bantuan dan faedah yang disediakan oleh kerajaan melalui agensi-agensi seperti Tekun, Mara, Pernas dan lain-lain," katanya.

Mengikut statistik SSM, dari 1 Januari 2021 hingga 31 Ogos 2022, jumlah pendaftaran perniagaan yang berjaya didaftarkan melalui SPPP adalah sebanyak 39,315 pendaftaran yang terdiri daripada 18,001 pelajar-pelajar IPT dan 21,314 usahawan B40.

Semasa program berlangsung, Azman turut menyampaikan serahan agihan Wakalah Zakat Korporat SSM kepada 25 pelajar golongan asnaf dan sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) SSM kepada 20 pelajar daripada kumpulan B40.

Agihan keseluruhan yang berjumlah RM22,500 disampaikan kepada para pelajar dari Politeknik Nilai, Politeknik Port Dickson, Kolej Komuniti Negeri Sembilan dan Giatmara Negeri Sembilan.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : JUMAAT
TARIKH : 14/10/2022
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM7.49 • Daging Lembu Tempatan RM44.29 • Daging Lembu Import RM50.90	• Telur Gred A RM13.35 • Ikan Kembung RM14.99 • Minyak Masak RM7.10	• Gula Pasir RM2.85 • Bawang Besar Holland RM2.89 • Bawang Putih RM4.99	• Cili Merah RM9.90 • Kubis Bulat Tempatan RM3.50 • Tepung Gandum RM2.60
---	---	---	---	--

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

BERITA ONLINE BERTARIKH 14 OKTOBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
14-Oct	13 OKT 2022-SPM-CERITA PAGI P.PINANG-PENGUATKUASAAN KPDNHEP	https://youtu.be/sEVrKPcdolQ	BERITARTM
14-Oct	Program F3M KPDNHEP pacu francais mikro, perkenal inisiatif geran penuh dan padanan	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/10/13/program-f3m-kpdnhep-pacu-francais-mikro-perkenal-inisiatif-geran-penuh-dan-padanan/	FMT
14-Oct	Lelaki disyaki seleweng diesel ber-subsidi ditahan	https://www.borneo.network/2022/10/lelaki-disyaki-seleweng-diesel.html	BORNEO.NETWORK
14-Oct	Pemborong hadkan kuota punca telur ayam kurang: Cake	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/225782	SH
14-Oct	Cubaan 5 warga filipina seludup minyak gagal	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/892124/cubaan-5-warga-filipina-seludup-minyak-gagal	HM
14-Oct	Lima warga filipina ditahan cuba seludup keluar minyak masak ber-subsidi	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2022/10/1011998/lima-warga-filipina-ditahan-cuba-seludup-keluar-minyak-masak-bersubsidi	BH
14-Oct	Lelaki pandu van sarat muatan diesel ditahan	https://www.utusanborneo.com.my/2022/10/13/lelaki-pandu-van-sarat-muatan-diesel-ditahan	UMBORNEO